

THE SARAWAK MUSEUM JOURNAL

Vol. LXV No. 86 (New Series) Since 1911 ISSN. 0375-3050 December 2008



SARAWAK MUSEUM DEPARTMENT

SEJARAH RINGKAS PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI BANDAR SIBU

1900 SEHINGGA 1930

oleh

Norsiah Fauzan

Abstrak

Bandar Sibu sebelum 1900 boleh dikatakan belum wujud sebagai sebuah bandar perdagangan yang penting seperti yang boleh kita saksikan pada hari ini. Sebenarnya perkembangan bandar Sibu bermula dengan wujudnya sebuah perkampungan kecil yang didiami oleh kaum Melanau.

Tahun 1900 merupakan titik perubahan dalam sejarah bandar Sibu. Sejak tahun itu, sejarah bandar Sibu berkait rapat dengan kedatangan imigran secara besar-besaran kesan daripada dasar ekonomi pemerintahan Brooke yang menggalakkan penghijrahan kemasukan orang-orang Cina secara besar-besaran untuk menetap di kawasan Rejang termasuk bandar Sibu. Tujuan pemerintah ialah untuk mengeksplorasi ekonomi kawasan delta Rejang yang dijangka akan membawa keuntungan besar. Bagaimanapun, perubahan ini cuba dibuat tanpa mengganggu kebudayaan peribumi. Apakah motif sebenar dasar pengekalan kebudayaan peribumi ini masih boleh dipertikaikan? Tapi saya membuat hipotesis bahawa dasar ini sebenarnya bukanlah untuk kepentingan peribumi tetapi untuk menyekat atau mengelakkan kemajuan sosio-ekonomi rakyat Sarawak agar mereka tidak menentang pemerintahannya atau menggugat kekuasaannya.

Secara ringkasnya, kajian saya ini akan saya bahagikan pada tiga bahagian. Bahagian pertama, saya akan memberi gambaran ringkas tentang dasar ekonomi pemerintahan Brooke di antara tahun 1850-1917 (di bawah James Brooke dan Charles Brooke) untuk membawa perubahan ekonomi tanpa mengganggu kebudayaan peribumi. Ini kerana dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pemerintah di sekitar tahun-tahun tersebut mempengaruhi sejarah perkembangan bandar Sibu setelah 1900.

Dalam bahagian kedua, kita akan sama-sama meninjau perkembangan ekonomi yang berlaku di bandar Sibu dari 1900 hingga

1930, sebagai kesan daripada dasar yang telah dibincangkan dalam bahagian pertama.

Seterusnya dalam bahagian ketiga, kita akan lihat bagaimana pemerintahan Brooke cuba mengelakkan perubahan sosial dengan alasan untuk mengekalkan kebudayaan peribumi. Ini dilakukan melalui penyekatan pelajaran, dasar pecah dan perintah dan sebagainya yang akhirnya membawa kesan negatif kepada rakyat tempatan.

Kajian ini banyak menggunakan *Sarawak Gazette* (1890-1930) dan mikrofilem CO 802 yang mengandungi laporan-laporan tahunan Jabatan-jabatan Kerajaan (1900-1930). Selain itu, bahan yang berharga digunakan ialah buku perjanjian Rajah Brooke, *The Sarawak Museum Journal*, suratkhabar dan juga temubual-temubual dengan penduduk tempatan dan sebagainya.